

**BAB
KEDUA**

BAB KEDUA

CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU DAN ZAKĀT

2.1 PENDAHULUAN

Cukai merupakan cara utama pemindahan sumber daripada pemilikan individu kepada penggunaan awam. Cukai pendapatan adalah merupakan cukai langsung yang dibebankan ke atas seseorang individu atau syarikat-syarikat, sendirian dan awam juga syarikat kerjasama. Beban cukai langsung ini tidak boleh dipindahkan kepada orang lain. Ia dipungut secara paksa bukan sukarela dalam bentuk wang dan bukan barang. Cukai pendapatan yang dipungut dalam bentuk wang oleh Kerajaan Pusat Malaysia itu menerusi agensinya iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri digunakan oleh Kerajaan Pusat untuk pelbagai tujuan.¹

Empat puluh empat peratus (44%) daripada pendapatan Kerajaan Pusat datangnya daripada cukai pendapatan. Dari enam puluh empat ribu juta (RM64,000,000.00) jumlah pendapatan Kerajaan Pusat itu, dua puluh lapan ribu juta (RM28,000,000.00) adalah hasil yang dipungut dari Cukai Pendapatan² dan jumlah tersebut sebahagian besarnya dibelanjakan untuk pelajaran, perkhidmatan serta pertahanan.

Fenomena percukaian pada masa ini merupakan suatu perkara yang hampir sama wujud di seluruh dunia. Bagaimanapun, setiap negara mempunyai struktur sistem percukaian yang berbeza, mengikut tahap kemajuan dan kekuatan sumber ekonomi masing-masing. Biasanya arah politik mempunyai pengaruh yang mendalam dan luas di dalam sistem percukaian sesebuah negara itu. Kadar cukai di negara membangun biasanya lebih tinggi daripada negara-negara maju. Tidak seperti kadar zākāt yang tetap dan tidak boleh diubah kadar cukai biasanya berubah-ubah tahun demi tahun mengikut kehendak atau keperluan perbelanjaan dan dasar fiskal kewangan sebuah negara.

Cukai dikenakan berdasarkan pendapatan yang ditarifkan sebagai keuntungan atau perolehan, tetapi tidak termasuk modal. Keuntungan modal hasil daripada penjualan sesuatu harta itu dikenakan cukai, tetapi ianya tidak termasuk dalam takrifan cukai pendapatan.

2.2 BIDANG PENGENAAN

Cukai pendapatan dikenakan setiap tahun kalender atau tahun taksiran. Bagi tempoh setahun iaitu dari bulan Januari hingga Disember, hanya satu taksiran sahaja yang dikenakan. Bagi suatu tempoh tahun kalender, iaitu tahun sebelum taksiran, ia dinamakan tahun asas.³ Ini

bererti cukai pendapatan dikira atau ditaksir di dalam tahun berikutnya, bukan dalam tahun semasa pendapatan itu diperolehi. Bagaimanapun, melalui Sistem Potongan Berjadual yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, potongan atau pembayaran perlu dibuat dalam tahun semasa. Bidang pengenaan cukai di Malaysia hari ini adalah selaras dengan prinsip iaitu seorang itu dikenakan cukai pendapatan, bukan di atas apa yang ia simpan di dalam poketnya (simpanan) tetapi ialah apa yang ia masukkan ke dalam poketnya (perolehannya).⁴

Tahun asas bagi satu tahun taksiran itu dinamakan tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut. Ini bererti seseorang individu itu akan dikenakan cukai mengikut taksiran yang dibuat berdasarkan suatu tempoh, ianya tidaklah ditaksirkan sewenang-wenangnya. Cukai pendapatan di Malaysia adalah berdasarkan wilayah, iaitu cukai hanya dikenakan di atas pendapatan yang mempunyai punca Malaysia sahaja. Jika seorang itu mempunyai punca pendapatan di luar Malaysia, pendapatan tersebut hanya akan dikenakan cukai apabila ianya dikirimkan ke Malaysia dan ianya mestilah diterima oleh seorang pemastautin di sini.⁵

Jika pendapatan dari punca luar Malaysia itu dikirimkan ke Malaysia dan penerimanya itu bukan

pemastautin, ianya tidak dikenakan cukai. Dengan kata lain, status pemastautinan⁶ seseorang individu itu adalah faktor yang menentukan sama ada dia berhak mendapat pelepasan diri dan sama ada pendapatan yang diterimanya dari punca luar Malaysia itu dikecualikan cukai atau tidak.

2.3 ORANG-ORANG YANG LAYAK KENA CUKAI

Orang-orang perseorangan yang bermastautin sama ada warganegara atau tidak yang berikut adalah dianggap layak kena cukai:

- i. Orang perseorangan yang bujang yang mempunyai pendapatan tahunan RM6,000.00 ke atas setahun; dan
- ii. Orang perseorangan yang sudah berkahwin yang mempunyai pendapatan RM9,000.00 ke atas setahun.

2.4 ORANG-ORANG YANG DIKENAKAN⁷

Seseorang yang dilantik menjadi agen bagi mana-mana orang lain yang layak kena cukai;

Seseorang yang ditaksir dan dikenakan cukai bagi pihak mana-mana orang lain;

Seorang dalam mana orang yang satu lagi ditaksir dan dikenakan cukai disebut sebagai prinsipal.

Seseorang yang mempunyai kuasa sah untuk mengawal atau mengurus mana-mana harta seorang yang tidak berdaya,⁸ yang menerima pendapatan kasar bagi sesuatu tempoh asas;

Ibu bapa atau penjaga bagi seorang yang belum dewasa;

Nakhoda kapal dan kapten kapal terbang bagi pihak tuan punya atau penyewa kapal terbang;

Pengurus keluarga atau harta bagi pihak keluarga Hindu yang bergabung;

Pemegang amanah bagi pihak badan amanah;

Wasi-wasi atau pentadbir harta si-mati bagi seseorang yang telah mati dalam tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran;

Pengurus atau pegawai prinsipal, pengarah-pengarah, setiausaha atau orang yang menjalankan fungsi mana-mana orang yang disebutkan tadi bagi pihak syarikat;

Pengurus, bendahari, setiausaha, ahli pihak berkuasa yang mengawalnya bagi pihak kumpulan-kumpulan orang; dan

Wakil atau mana-mana orang yang dilantik menguruskan hal ehwal cukai bagi pihak Raja-raja atau Pembesar-pembesar yang memerintah.

2.5 JENIS-JENIS PENDAPATAN YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI

Cukai pendapatan dikenakan ke atas seseorang individu yang menerima dari Malaysia atau dikirimkan dari luar Malaysia seperti yang telah dibincangkan di bawah tajuk Bidang Pengenaan mengikut peruntukan seksyen 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47 (Akta 53).

Secara umumnya pendapatan yang kena cukai ini boleh dikelaskan kepada beberapa jenis.

a. Keuntungan atau Perolehan Daripada Perniagaan

Pendapatan perniagaan seperti yang ditakrifkan ialah termasuk pendapatan yang diperolehi dari menjalankan satu

profesyen iaitu seperti doktor, jurutera, peguam, akitek, akauntan dan sebagainya. Termasuk juga orang yang menjalankan vokesyen atau perdagangan seperti impot dan ekspot. Usaha pengilangan, pertanian, peternakan, perkhidmatan pengangkutan darat, udara dan laut. Termasuk juga menjalankan kerja-kerja kontrak, mengambil upah daripada menjalankan suatu pekerjaan, tetapi tidak termasuk menjalankan satu pekerjaan dengan majikan.

Di dalam sistem cukai pendapatan British, keuntungan atau perolehan seorang peniaga atau tuan punya sesuatu perniagaan, iaitu sama ada keuntungan itu dikeluarkan atau tidak daripada perniagaan tersebut (simpanan) keduanya dikenakan cukai.⁹

2.6 TEMPOH ASAS

Tempoh asas bagi pendapatan keuntungan atau perolehan daripada perniagaan ialah mengikut tarikh perakaunannya. Kebiasaanya seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan itu akan menutup akaunnya pada 31 haribulan Disember setiap tahun, iaitu satu tempoh yang meliputi dua belas bulan bermula dari Januari berakhir Disember.

Segala pendapatan yang diperolehi, bagi sesuatu tempoh tersebut, setelah ditolak semua perbelanjaan-

perbelanjaan yang dibenarkan yang telah dibelanjakan di dalam tempoh yang sama di mana pendapatan itu diperolehi, dinamakan keuntungan.

Keuntungan perniagaan yang dikenakan cukai bukanlah diambil terus dari keuntungan kasar yang diperolehi oleh seseorang itu daripada sumber perniagaannya bagi sesuatu tempoh. Setiap apa-apa perbelanjaan yang dilakukan yang kesemuanya dan semata-mata¹⁰ semasa tempoh itu diberi potongan terhadap pendapatan kasar tersebut seperti yang telah dibincangkan berkaitan dengan tempoh penutupan akaunnya sebelum ini.

Seorang peniaga akan membelanjakan sebahagian daripada hasil perniagaannya untuk membolehkannya menjalankan urusan perniagaannya. Di antara perbelanjaan tersebut ialah seperti bayaran sewa bangunan, upah untuk pekerja, belanja menjaga dan membaiki apa-apa kerosakan pada bangunan atau alat-alat jentera yang digunakan dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan perniagaannya. Perbelanjaan ini semuanya boleh diberi potongan.¹¹

Selain daripada itu, seorang peniaga itu diberi potongan lagi terhadap hutang-hutang yang dianggap tidak boleh dipungut lagi daripada pelanggan-pelanggannya atas

Demikian itu juga pendapat al-Sha`rani mempunyai pendapat yang sama dalam *al-Mizan al-Kubra*, Bahagian Zākāt Tanaman.²³

2.8.3 Kadar Zākāt Perniagaan

Kadar zakat bagi hasil pertanian adalah bergantung kepada cara pengairannya, jika tanaman bergantung kepada air hujan semata-mata, atau air sungai dan mata air, maka kadar zākātnya ialah 10%. Manakala tanaman yang disiram dengan alat jentera atas usaha sendiri, kadarnya ialah 5% dan sekiranya tanaman tersebut menggunakan kedua-dua cara, kadarnya ialah 7.5%.²⁴

2.8.4 Nisāb dan Hāwl

Hasil pertanian tidak disyaratkan hāwl (sampai satu tahun). Zākāt wajib dikeluarkan bila cukup nisabnya (kadar minimum yang dikenakan zākāt) iaitu setelah memenuhi keperluan tuannya, iaitu sebanyak lima *awsūq* yang bersamaan dengan 358.5 gantang Malaysia. Zākātnya dikeluarkan sebaik sahaja ianya dipetik atau ditunai.

Firman Allah s.w.t:

makanan atau pakaian;
kenderaan atau kemudahan pengangkutan; dan
pemandu, pembantu rumah atau tukang kebun.

- iii. nilai tempat tinggal atau kediaman yang disediakan oleh majikan termasuklah perabot atau kelengkapan di dalam rumah tanpa dikenakan sebarang sewa atau apa-apa bayaran.
- iv. bayaran berkala yang diterima oleh seorang itu selain daripada pencen.
- v. bayaran yang diterima oleh seorang itu sebelum atau selepas berhenti kerja; seperti pampasan kerana diberhentikan atau kehilangan pekerjaan.

Kesemua yang disebutkan di atas adalah pendapatan kasar seseorang yang boleh dikenakan cukai pendapatan. Ianya adalah pendapatan yang diperolehi oleh seseorang pekerja individu hasil dari menjalankan suatu pekerjaan dan ia adalah terikat dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan atau ditentukan oleh majikannya.

Mengikut peruntukan yang terdapat di dalam Seksyen 21 (1), Akta Cukai Pendapatan 1967, No. 47, Akta 53 tahun asas ialah tahun kalender sebaik sahaja sebelum

sesuatu tahun taksiran. Oleh kerana pendapatan pengajian dikira atau ditentukan pada tarikh 31 Disember setiap tahun, tempoh asas untuk sesuatu penggajian ialah tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran. Dengan kata lain tahun kalender Januari Hingga Disember 1998 ialah tahun asas untuk tahun taksiran 1999.

Pendapatan yang diterima oleh seseorang individu dalam tahun 1998 hanya akan ditaksirkan dalam tahun 1999. Bagaimanapun, dari segi pembayaran satu peruntukan baru diperkenalkan dalam Undang-Undang Cukai Pendapatan 1967. Menurut kuatkuasa peruntukan tersebut, Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh mengarahkan supaya cukai tahun itu dibayar secara ansuran dalam tahun semasa.¹³ Arahan ini dibuat melalui ARahan Potongan Cukai Berjadual seperti yang telah ditentukan jumlah potongan setiap bulan yang perlu dilaksanakan oleh majikan bagi setiap pekerja yang berkenaan.

Sistem Potongan Cukai Berjadual ini bertujuan untuk memudahkan seorang individu ini membayar cukainya tanpa merasai beban yang berat dan menyusahkannya kerana ianya boleh dijelaskan secara ansuran dalam tempoh yang panjang.

c. Dividen, Faedah atau Diskuan

Pembahagian keuntungan sesebuah syarikat yang diagihkan kepada pemegang-pemegang sahamnya dinamakan dividen. Ianya termasuklah apa-apa pembahagian yang dilakukan oleh sesebuah syarikat kepada pemegang sahamnya samada dalam bentuk wang atau harta (kebendaan) atau apa-apa yang dikreditkan ke dalam akaun mereka sebagai pemegang saham.¹⁴ Jika seseorang individu itu menerima dividen yang dibahagikan oleh syarikat yang bermastautin di Malaysia bagi sesuatu tahun asas, pendapatan dividen tersebut boleh dikenakan cukai kerana ianya dianggap sebagai diterima dari Malaysia. Jika dividen yang diterima itu bukan dalam bentuk wang tunai, iaitu dalam bentuk harta, maka nilai pasaran harta tersebut semasa ia diterima sebagai nilai bersih dividen tersebut.

◆◆◆

Dividen ditaksir atau dikenakan cukai mengikut tahun asas ianya dibahagikan atau dikreditkan oleh syarikat yang berkenaan dan bukannya tahun asas ianya dibayar.

Faedah ialah wang yang dibayar bagi penggunaan wang atau pembahagian kepada sipiutang keuntungan yang dianggap diterima oleh peminjam atau siberhutang dari penggunaan wang tersebut. Ia juga ditak'rifkan sebagai

bayaran kerana masa (tempoh) menggunakan sejumlah wang (pokok). Wang pokok ini sepatutnya dibayar kepada seseorang, sebaliknya faedah dibayar sebagai gantian penangguhan bayarannya.¹⁵

¶

Pendapatan faedah ini adalah riba yang diharamkan oleh Islam. Menurut Dr. Yusuf Qārdhāwi bahawa faedah bank itu adalah haram dan ia adalah riba yang diharamkan tanpa keraguan.¹⁶

Diskaun adalah keuntungan yang diperolehi dari urusniaga pendiskaunan dalam erti kata kurangan biasa. Sesuatu diskaun yang disebabkan oleh pengurangan dalam harga belian sesuatu aset tidak dianggap sebagai pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Pendapatan daripada faedah atau diskaun hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar seseorang bagi tempoh tahun asas ianya pertama kali diterima.

d. Sewa, Royalti, Premium

Satu lagi jenis pendapatan yang boleh dikenakan cukai apabila ianya diterima oleh seseorang individu ialah sewa, iaitu pulangan yang dibayar dalam bentuk wang atau barang oleh penyewa kepada tuan tanah atau rumah dan sebagainya bagi sesuatu masa yang tertentu atau lazim

kerana penggunaan tanah, rumah-rumah, harta benda dan sebagainya di Malaysia. Bagaimana pun bagi sesetengah negara seperti United Kingdom, sewa ke atas harta dikenakan, tidak kira dimana ianya terletak, termasuklah di luar United Kingdom.¹⁷

Asas untuk mentaksir pendapatan dari sewa ini adalah sama seperti faedah iaitu ianya ditaksir dalam tempoh asas pertama kali ianya diterima.

Premium ialah bayaran yang diterima kerana membenarkan seseorang menduduki sesuatu premis atau tanah. Bayaran ini biasanya diterima sekali gus dan ianya boleh dikenakan cukai. Tempoh asas penaksirannya sama seperti sewa.

Royalti ialah bayaran yang diterima kerana membenarkan penggunaan hak-hak yang berikut:

- i. Hakcipta, hasil kerja-hasil kerja seni atau sainstifik, paten reka bentuk atau model, pelan, proses rahsia atau formula, jenama atau pita untuk siaran radio atau televisyen atau harta atau hak-hak lain yang serupa.
- ii. Pengetahuan atau maklumat tentang hal-hal teknikal, perindustrian perdagangan atau pengetahuan, pengalaman atau kemahiran sainstifik.

Bayaran yang diterima kerana pemindahan hak milik atas mana-mana harta, pengetahuan atau maklumat yang disebut di atas, juga dianggap sebagai royalti yang boleh dikenakan cukai.

2.7 ZĀKĀT: ASAS PENGIRAAN

Zākāt sama seperti mana-mana cukai yang diamalkan oleh kebanyakan negara, mempunyai asasnya yang tersendiri; yang selari dan selaras dengan kehendak-kehendak syārāk, sesuai dengan statusnya sebagai satu rukun Islam. Asas pengiraannya adalah seperti berikut:

- a. Pengenaannya berdasarkan kepada tempoh setahun *hāwl* yang dikira mengikut tahun Islam Qāmāriah

yang melalui perkiraan penggerakan bulan, kecuali zākāt tanaman, buah-buahan dan galian.

- b. Pendapatan atau harta yang diwajibakan zākāt itu adalah merupakan pendapatan atau harta bersih bukannya kasar. Perkara-perkara yang boleh ditolak ialah kos pengeluaran iaitu segala perbelanjaan yang timbul atau dilakukan bagi tujuan untuk mendapatkan hasil pendapatan atau harta tersebut. Para fuqāha' juga bersepakat supaya belanja keperluan asas seseorang itu termasuklah hutang-piutangnya boleh ditolak dari pendapatan atau harta yang diwajibkan zākāt.
- c. Penilaian harga barang perniagaan (stok) hendaklah berasaskan harga semasa atau harga pasaran. Bagi menentukan jumlah nilai stok yakni barang perniagaan yang masih ada ditangan pada akhir tahun (genap tempoh *hawl*). Harga jualan semasa hendaklah digunakan. Sekiranya stok barang niaga tersebut dinilai ikut harga kos ianya dibeli; ianya tidak mencerminkan adanya usaha niaga.

2.8 ZĀKĀT: HARTA YANG WAJIB DIKENAKAN

Mengikut pendapat Dr. Hailani Muji Tahir: "Zākāt pada prinsipnya membawa pengertian sebagai kadar kutipan yang diwajibkan kepada atas harta dan hasil pendapatan di peringkat paling minimum mengikut peraturan dan syarat-syarat tertentu untuk diberi atau dibelanjakan ke atas orang-orang tertentu bertujuan bagi menjamin biaya kemasyarakatan di peringkat asas dan untuk mengurangkan, sekurang-kurangnya jurang pendapatan yang tidak seimbang, sehingga mencapai suatu tingkat hidup yang lebih baik di atas paras **nisāb**.¹⁸

Jenis-jenis harta yang wajib dikenakan zākāt pada umumnya boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu:

- i. zākāt harta pendapatan.
- ii. zākāt fitrah.

Jenis-jenis harta yang wajib kenakan zākāt adalah terdiri dari harta-harta yang penting dilihat dari aspek kegiatan ekonomi. Ini merupakan satu gambaran bahawa pensyariatan zākāt ditujukan khas untuk golongan yang berada yang dikurniakan oleh Allah s.w.t dengan nikmat pemilikan harta. Oleh itu sewajarnyalah mereka menunaikan hak-hak kepada orang-orang yang patut menerima.¹⁹

Orang-orang yang enggan mengeluarkan zākāt akan menerima hukuman di akhirat dan juga di dunia. Hukuman di akhirat ialah seksaannya amat pedih.

Firman Allah s.w.t:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا
يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلٍ لِّلَّهِ فَبَشِّرُهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Yang bermaksudnya:

"Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya"²⁰

Gambaran mengenai balasan bagi orang yang enggan mengeluarkan zākāt ini dijelaskan lagi oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya:

مَنْ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَلَمْ يُؤْدِ زَكَاتَهُ مِثْلَهُ مَيِّلَهُ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ شُجَاعًا أَفْرَغَ اللَّهُ زَبَّانَ يُطَوْفُهُ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ يَأْخُذُ بِلِهْزِ مَيِّلَهُ يَقْبَحِي
شِدَّقَهُ ثُمَّ يَقُولُ أَنَا مَائِنَتُ أَنَا كَنْزُكُ

"Sesiapa yang diberi Allah harta kepadanya dan dia tidak menunaikan zakatnya, dijadikan Allah pada hari akhirat seekor ular yang botak (sangat berbisa) dan mempunyai dua tompok hitam di atas matanya (sangat jahat) ular itu membelit lehernya dan kemudian membelit dagunya pula sambil berkata 'Akulah hartamu, akulah yang kamu simpan dahulu'"²¹

Manakala seksaan atau hukuman di atas dunia terhadap mereka (yang enggan bayar zākāt) ialah diambil zākāt itu daripadanya secara kekerasan dan dikenakan hukuman ta'zir (denda).

2.8.1 Zākāt Harta Terdiri Dari:

1. Hasil tanaman iaitu buah-buahan dan biji-bijian;
2. Binatang ternakan;
3. Emas dan perak; dan
4. Barang-barang perniagaan.

Selain dari empat jenis harta yang disebutkan di atas tadi, ada lagi beberapa jenis harta yang boleh dikenakan zākāt:

1. Pendapatan gaji;
2. Wang simpanan pekerja;
3. Bil-bil perpendaharaan;

4. Bond-bond dan surat jaminan kerajaan; dan
5. Saham-saham.

2.8.2 Zākāt Hasil Tanaman

3

Mengikut mazhab Maliki dan Shafi`i, hasil dari jenis buah-buahan dan biji-bijian yang tahan lama dan bersifat boleh mengenyangkan iaitu terdiri dari gandum, barli, beras dan kurma hendaklah dibayar zākātnya.

Manakala mazhab Hambali pula mensyaratkan ianya boleh ditimbang dan tahan lama untuk disimpan. Pendapat ketiga-tiga mazhab tadi agak berlainan dengan pendapat mazhab Hānāfi. Mazhab Hānāfi berpegang kepada pendapat bahawa semua jenis hasil tanaman wajib zākāt sama ada bersifat mengenyangkan, tahan lama disimpan atau boleh disukat dan ditimbang, kecuali, rumput dan kayu.²²



Al-Imām Abu Hanifah mengecualikan rumput mungkin kerana rumput tersebut digunakan untuk menternak binatang-binatang ternakan dan jika ia dikenakan zākāt juga bermakna pemerintah mengambil zākāt ke atas barang modal (rumput) untuk mengeluarkan hasil keluaran (lembu). Begitu juga tentang kayu, bahan tersebut mungkin sebagai bahan yang terkawal di negara padang pasir seperti Mekah dan Madinah, kerana itu ianya tidak dikenakan zākāt.

Demikian itu juga pendapat al-Sha`rani mempunyai pendapat yang sama dalam *al-Mizan al-Kubra*, Bahagian Zākāt Tanaman.²³

2.8.3 Kadar Zākāt Perniagaan

Kadar zakat bagi hasil pertanian adalah bergantung kepada cara pengairannya, jika tanaman bergantung kepada air hujan semata-mata, atau air sungai dan mata air, maka kadar zākātnya ialah 10%. Manakala tanaman yang disiram dengan alat jentera atas usaha sendiri, kadarnya ialah 5% dan sekiranya tanaman tersebut menggunakan kedua-dua cara, kadarnya ialah 7.5%.²⁴

2.8.4 Nisāb dan Hāwl

Hasil pertanian tidak disyaratkan hāwl (sampai satu tahun). Zākāt wajib dikeluarkan bila cukup nisabnya (kadar minimum yang dikenakan zākāt) iaitu setelah memenuhi keperluan tuannya, iaitu sebanyak lima *awsūq* yang bersamaan dengan 358.5 gantang Malaysia. Zākātnya dikeluarkan sebaik sahaja ianya dipetik atau ditunai.

Firman Allah s.w.t:

Demikian itu juga pendapat al-Sha`rani mempunyai pendapat yang sama dalam *al-Mizan al-Kubra*, Bahagian Zākāt Tanaman.²³

2.8.3 Kadar Zākāt Perniagaan

Kadar zakat bagi hasil pertanian adalah bergantung kepada cara pengairannya, jika tanaman bergantung kepada air hujan semata-mata, atau air sungai dan mata air, maka kadar zākātnya ialah 10%. Manakala tanaman yang disiram dengan alat jentera atas usaha sendiri, kadarnya ialah 5% dan sekiranya tanaman tersebut menggunakan kedua-dua cara, kadarnya ialah 7.5%.²⁴

2.8.4 Nisāb dan Hāwl

Hasil pertanian tidak disyaratkan hāwl (sampai satu tahun). Zākāt wajib dikeluarkan bila cukup nisabnya (kadar minimum yang dikenakan zākāt) iaitu setelah memenuhi keperluan tuannya, iaitu sebanyak lima *awsūq* yang bersamaan dengan 358.5 gantang Malaysia. Zākātnya dikeluarkan sebaik sahaja ianya dipetik atau ditunai.

Firman Allah s.w.t:

Yang bermaksud:

"Dan keluarkanlah haknya (zākātnya) pada hari ia dipetik (atau dituai)"²⁵

Zākāt yang dikenakan ke atas hasil tanaman tersebut adalah hasil bersih iaitu selepas ianya ditolak segala perbelanjaan pengeluaran seperti beli baja, benih, ubat, upah buruh dan sebagainya.

2.9 ZAKĀT BINATANG TERNAKAN

Jenis-jenis binatang yang dikenakan zākāt ialah unta, kerbau, lembu dan kambing. Manakala kuda diwajibkan zākāt semasa pemerintahan `Umar b. al-Khattāb. Pada zaman pemerintahan `Umar bin Abdul `Aziz beliau telah mengenakan zākāt ke atas hasil tangkapan ikan yang nilainya melebihi 200 dirham. Syarat-syarat zākāt binatang ternakan ini ialah cukup nisāb dan genap hāwlnya setahun dan ianya tidak digunakan sebagai barang modal seperti untuk menenggalakan tanah sawah dan sebagainya dan ianya mestilah produktif iaitu boleh membiak dengan sendirinya.²⁶

Kewajipan zakāt binatang sabit dengan beberapa Hadith sahih dan Hadith hassan. Syarat wajib zākāt ke atas binatang ternakan ini ialah cukup nisāb seperti yang

ditetapkan oleh syara' dan genap hāwl dalam milik tuannya.²⁷

2.10 ZĀKĀT EMAS DAN PERAK

Ahli-ahli fiqh telah bersepakat menyatakan bahawa wajib zākāt pada emas, perak serta wang sama ada ianya telah ditempa, atau dijadikan bejana ataupun ianya dijadikan perhiasan menurut ulama Hanafi. Ini adalah berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran, al-Sunnah dan al-ijma' tentang kewajipan zākāt.

Zākāt emas dan perak boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu zākāt emas dan perak dari jenis *ma'adin* atau disebut bahan galian dan satu lagi dari jenis *nūqūd* atau dikenal dengan istilah sekarang sebagai mata wang perak. Mengikut Abu Yusuf, al-Hāsān al-Basri dan `Umar Ibn Abd. al-Aziz ianya wajib dikenakan zākāt sebanyak 20%, kerana ia dianggap sebagai bahan galian (*al-Ma'adin* dan menyerupai *rikāz* (harta Qarun).²⁸

Wang yang wajib dikenakan zākāt ialah terdiri dari wang kertas atau duit syiling (*coin*) dan lain-lain bentuk alat pertukaran barang dan perkhidmatan seperti cek dan bil-bil pembayaran yang digunakan dan berfungsi sebagai wang, sama ada ianya disimpan dalam bank, dilaburkan

dalam syarikat-syarikat perusahaan atau perdagangan atau ianya dilaburkan dalam surat-surat jaminan kerajaan atau lain-lain badan kewangan. Kesemuanya itu adalah dianggap sebagai wang dalam milik penyimpan.²⁹

Nisab zākāt emas dan perak ialah 20 *mithqal* bersamaan 85 gram atau 25.22 mayam atau 200 dirham. Manakala kadar wajibnya ialah 2.5% bila cukup hawl setahun.

2.11 ZAKAT PERNIAGAAN

Perniagaan merupakan suatu aktiviti yang penting dalam Islam. Sebahagian besar daripada rezeki yang dikurniakan oleh Allah s.w.t untuk manusia di atas muka bumi ini ialah berpunca dari perniagaan iaitu aktiviti yang dihalalkan oleh syariat Islam sepertimana yang telah disebutkan di awal perbincangan. Diriwayatkan oleh Sāmwāh ibn Zūndūb bahawa Rasulullah s.a.w telah menyuruh kami supaya mengeluarkan zakat daripada apa yang kami sediakan untuk perniagaan.³⁰

Seterusnya Allah s.w.t berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طِبَّتِ مَا كَسَبْتُمْ

Yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman,
belanjakanlah (pada jalan Allah)
sebahagian daripada hasil usaha kamu
yang baik-baik"³¹

Apa yang dimaksudkan dengan 'usaha kamu' di dalam ayat di atas ialah perniagaan pembuatan dan kerja tangan.

Zākāt harta perniagaan tidak disebut dalam al-Qurān dan al-Hādīth, tetapi ianya diwajibkan berdasarkan ijma` para sahabat. Dr. Hailani Muji Tahir memetik al-Sha`rani sebagai berkata bahawa harta perniagaan terbahagi kepada dua kategori:

- i. harta barang-barang perniagaan; dan
- ii. harta tetap dalam bentuk barang modal.

Ulama Shafi`i mensyaratkan bahawa niat perniagaan mestilah dilakukan ketika tukaran dalam masa kontrak (*ākād*) atau pada masa majlis kontrak. Jika niat tidak dibuat pada masa itu maka zakat tidak dikenakan. Diisyaratkan juga supaya diperbaharui niat perniagaan pada setiap kali tukaran (jual beli) sehingga habis modal.³²

Barang-barang perniagaan iaitu *al-`urud* ialah barang-barang dalam dunia selain daripada emas, perak,

sama ada ianya barang perhiasan, harta ternakan, tanaman, pakaian dan sebagainya untuk perniagaan.³³ Di sini para menjelaskan tentang perbezaan di antara yang kena zākāt dengan harta takalih yang t zākāt.

Harta takalih yang digunakan oleh tuan punya perniagaan untuk menjalankan perusahaan atau perniagaannya itu seperti bangunan, jentera dan kelengkapan lain adalah dikategorikan sebagai harta tetap (barang modalnya).

Zākāt tidak dikenakan ke atas harta tetap dalam bentuk barang modal (*capital goods*) adalah sesuai bagi tujuan meningkat dan meluaskan pertumbuhan kegiatan ekonomi negara. Ini bermakna zākāt hanya dikenakan atas wang tunai dan stok akhir dalam masa setahun setelah mencapai paras *nīsāb* apabila kedua-dua item itu dijumlahkan.³⁴ *Nīsāb* zākāt perniagaan ialah mengikut *nīsāb* nilai emas dan perak. Kadar zākāt perniagaan, juga sama seperti kadar zākāt emas iatu 2.5%.

2.12 ZAKĀT PENDAPATAN GAJI

Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid di dalam satu makalah ilmiah beliau ada menyebut bahawa

‘pada zaman ini orang yang paling lantang mencadangkan gaji dan pendapatan profesional dikenakan zākāt ialah Dr. Yusuf al-Qardhāwi, ‘ulama dan penulis terkenal di Timur tengah. Cadangan tersebut disarankan di dalam bukunya yang terkenal *fiqh’al-Zākāt*’.³⁵

Pengenaan zākāt ke atas pendapatan gaji dan profesional adalah berasaskan kepada konsep harta perolehan iaitu apa-apa perolehan yang berupa wang atau kebendaan yang diterima oleh seseorang individu dalam bentuk gaji, bayaran profesional dan pendapatan daripada modal yang tidak diperniagakan.

Dr. Hailani Muji Tahir berpendapat bahawa zākāt bagi pendapatan gaji dan bebas yang wajib dikenakan zākāt itu tidak mensyaratkan cukup *hāwl*. Begitulah juga dengan penapat tokoh-tokoh seperti Ibn Abbas, Ibn Mas`ud, Mu`awiyah dan `Umar b. `Abd. al-Aziz, mereka tidak mensyaratkan *hāwl* ke atas pendapatan gaji dan bebas.³⁶

Kebanyakan ahli-ahli fiqh bersetuju bahawa syarat wajib zākāt pendapatan gaji dan bebas ialah pemilikan yang sempurna dan cukup *nisāb* manakala kadar zākātnya pula ialah 2.5% sama seperti kadar zākāt emas dan perak.

2.13 ZAKAT WANG SIMPANAN

tau

Wang simpanan termasuklah:

- i. Wang yang disimpan dalam bank (akaun, simpanan pelaburan, tetap, semasa); dan
- ii. Wang yang dihutang-pinjamkan kepada kerajaan, bank-bank, firma dan orang perseorangan, termasuk bil-bil perbendaharaan, surat-surat jaminan kerajaan, bon, debentor.

Wang simpanan diwajib zākāt berdasarkan sebuah hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Ali Ibn Abi Talib yang bermaksud: "sekiranya kamu mempunyai 200 dirham zakatnya 5 dirham dan 20 dinar zākātnya setengah 1/2 dinar" (2.5%).³⁷

2.14 ZAKAT HARTA SAHAM

Wang atau harta-harta yang dilaburkan di dalam syarikat perniagaan, perusahaan dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain atau dilaburkan dalam institusi pelaburan adalah dianggap sebagai harta yang mempunyai potensi untuk berkembang dan menghasilkan keuntungan dalam bentuk dividen. Atas dasar inilah ianya boleh dikenakan zākāt.³⁸

Syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan atau perusahaan akan mengisyiharkan apa-apa keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tempoh perniagaan. Sebahagian dari keuntungan ini akan diagihkan kepada pemegang sahamnya dalam bentuk dividen. Jika syarikat mengalami kerugian, tidak ada keuntungan yang boleh diagihkan. Pemegang saham tidak mendapat apa-apa pulangan.

Sebarang keuntungan yang diperolehi dicampur dengan modal (saham) yang asal dianggap sebagai harta milik yang sah pemegang saham. Jika jumlah kedua-duanya itu mencapai paras *nisāb* dan cukup hāwlnya, ianya wajib dikenakan zākāt. Pendapatan ini berbeza dengan faedah yang diperolehi dari wang simpanan seseorang, disebabkan pemilik saham menghadapi risiko untung atau rugi dan juga penurunan nilai sahamnya. Bagaimanapun, harta saham tidak boleh terlepas daripada tanggungjawab zākāt kerana tuan punya atau pemilik saham adalah dianggap sebagai golongan orang-orang kaya yang mempunyai kelebihan pendapatan.

Mengikut pendapat Muhammad Abu Zahrah 'harta-harta saham itu ada kalanya digunakan untuk tujuan perniagaan atau pelaburan. Jika digunakan untuk perniagaan, zākātnya adalah sama seperti yang dikenakan ke atas harta perniagaan iaitu 2.5%, manakala yang digunakan untuk

tujuan pelaburan pula zākātnya adalah sama dengan hasil pertanian iaitu sebanyak 10%.³⁹

2.15 KAE DAH PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN

2.15.1 Pendapatan Dari Sumber Perniagaan

Untuk menentukan cukai pendapatan yang kena dibayar oleh seorang individu di atas perolehan atau keuntungan perniagaannya, pengiraannya hendaklah berdasarkan kepada pendapatan yang dilaraskan.

Kaedah pengiraan pendapatan yang dilaraskan adalah seperti berikut:

i. Pendapatan kasar seseorang yang diterima dari mana-mana perniagaan hendaklah ditolak semua perbelanjaan yang layak, diberi potongan kaedahnya adalah seperti berikut:

a. Semua belanja yang kesemuanya semata-mata dilakukan untuk menghasilkan pendapatan kasar tersebut di dalam tempoh semasa⁴⁰ termasuk perbelanjaan:

i. bayaran faedah (bunga) yang dibayar keapda bank atau institusi kewangan di atas

pinjaman yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan kasar tersebut atau dilaburkan atas aset-aset yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan kasar daripada sumber itu.⁴¹

ii. sewa yang dibayar atas tanah atau bangunan yang didiami atau digunakan untuk menghasilkan pendapatan kasar itu.⁴²

iii. belanja untuk membaiki premis loji jentera, mesin, kenderaan, kelengkapan dan peralatan yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan kasar itu.⁴³

iv. hutang tertangguh yang dianggap patut dan tidak boleh dikutip lagi.⁴⁴

v. sumbangan majikan kepada skim yang diluluskan seperti KWSP.⁴⁵

ii. Pendapatan yang tidak boleh dibenarkan potongannya adalah seperti berikut:

a. semua perbelanjaan persendirian atau rumah tangga.

- b. semua perbelanjaan yang tidak sepenuhnya atau semata-mata dilakukan untuk tujuan menghasilkan pendapatan kasar itu.
 - c. perbelanjaan yang dianggap sebagai perbelanjaan modal.
 - d. bayaran kepada mana-mana tabung pencen, simpanan pekerja, janda atau anak-anak yatim yang diluluskan.
 - e. belanja keraian seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 39(1)(i), Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47 (Akta 53).
- iii. Untuk mengira pendapatan yang dilaraskan, semua perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan potongannya akan dicampurkan semula kepada untung bersih.
- iv. selepas itu, hendaklah dicampurkan kepada pendapatan yang dilaras itu apa-apa keuntungan daripada penjualan harta modal dan kemudian menolak apa-apa elau modal yang diberi dari pendapatan larasan itu.⁴⁶

- vi. Jika seseorang itu ada menerima apa-apa pendapatan yang lain daripada perniagaan tersebut misalnya dividen (keuntungan daripada pelaburan saham syarikat), ianya hendaklah dicampurkan dengan pendapatan daripada perniagaan itu untuk menjadikannya sebagai pendapatan terkumpul seseorang itu.⁴⁷
- v. Bagi menentukan jumlah cukai pendapatan yang kena dibayar oleh seseorang individu itu, kita ambil contoh dari penyata perniagaan dalam lampiran I di mana untung bersihnya ialah RM18,000.00. Ianya dicampur balik dengan perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan seperti berikut;

Pengiraan Cukai Pendapatan Perniagaan

Untung bersih - 18,000.00

Campur balik:

i.	Surat khabar	300	
ii.	Susut nilai logi	3,610	
iii.	Susut nilai van	3,800	7,710
		-----	-----
		7,710	25,710

Ditolak elau modal:

i.	Loji/Jentera (spt. andaian) ⁴⁸	-2,800	
ii.	Van (spt. andaian ⁴⁹)	-5,040	7,840
		-----	-----
	Pendapatan yang dilaraskan		17,870

1.	Pendapatan yang dilaraskan		RM17,870
1.1	Tolak: pelepasan diri (individu)	5,000	
	Isteri	3,000	
	Anak 800 @ seorang	800	8,800
		-----	-----
2.	Pendapatan yang layak kena cukai		9,070
		=====	
2.1	Kadar cukai 5000 yang pertama	RM	50
	Kadar cukai atas baki 4070	RM	162.80
	@ 4%	-----	
2.2	Cukai yang kena dibayar T/T 1998	RM	212.80
		=====	
2.3	Tolak: rebat 110.00		
	zakat 920.00	RM1,030.00	-

3.	Cukai kena bayar	- tiada -	
		=====	

2.16 KAEDEAH PENGIRAAAN ZĀKĀT PERNIAGAAN

- i. Stok akhir dinilai mengikut harga jualan semasa. Ini adalah berdasarkan kepada pendapat yang lebih kuat (*mashur*) berdasarkan kepada pendapat Jabir Ibn Zāyd seperti yang diriwayatkan oleh Abu Ubāyd dalam bukunya (1388H/1968, 426) yang menjelaskan tentang barang perniagaan bahawa ia hendaklah dinilai dengan harga jualan di hari wajibnya zākāt perniagaan itu.⁵⁰
- ii. Semua wang tunai perniagaan yang ada di tangan dan bank yang ada ketika penutupan akaun perniagaan itu dilakukan. Termasuk dalam kategori ini semua wang tunai daripada sumber yang lain.
- iii. Semua hutang niaga timbul dari jualan secara kredit.

Setelah dijumlah ketiga-tiga sumber yang disebut di atas, ianya hendaklah ditolak:

- i. Jumlah semua hutang niaga yang timbul akibat daripada pembelian secara kredit. Baki si

piutang ini adalah baki akhir sama seperti si berhutang.

- ii. Keperluan asas, iaitu satu jumlah yang benar-benar perlu untuk diri individu dan tanggungan termasuk isteri dan anak-anak seperti makanan dan pakaian, tetapi bukanlah terdiri dari makanan dan pakaian yang mewah. Faktor-faktor seperti taraf masyarakat, beban tanggungan keluarga, taraf hidup dan sebagainya perlu diambil kira.⁵¹

Dengan berpandukan kepada penyata akaun perniagaan seperti dalam lampiran I, pengiraan zakat yang wajib dibayar oleh tuan punya perniagaan adalah seperti berikut:

Pengiraan Zakat Perniagaan

1. Harta perniagaan semasa

i.	stok akhir	40,000.00
ii.	tunai di tangan	500.00
iii.	tunai di bank	2,800.00
iv.	si berhutang	10,000.00

		53,300.00

Ditolak si piutang	12,000	
keperluan asas	4,500	16,500.00
	-----	-----
2. Pendapatan bersih wajib zakat		36,800.00
Kadar zakat ialah 2.5%		920.00
	-----	-----
3. Zakat wajib dibayar		RM 920.00
		=====

Pengiraan Cukai Pendapatan Pengajian 'A'

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diberikan dalam Lampiran III berikut adalah pengiraan cukai pendapatan 'A' untuk Tahun Taksiran 1998:

Butir-butir Pendapatan

1. Pengajian:	Gaji	176.000	
	Bonus	16,000	
	elaun rumah	13,200	205,200
2. Dividen (Tax - 690.00)			2,300
3. Faedah (isteri)			325
4. Sewa		24,000	
	Tolak pembaikian	9,000	15,000
		-----	-----
	Jumlah Pendapatan	-	222,825.00
	Jumlah pendapatan b/h		222,825.00
Tolak:	Pelepasan		
	Diri	5,000	

Perubatan (Ibu)	3,000	
Isteri	3,000	
Anak	800	
KWSP	5,000	

	16,800	16,800.00
Jumlah pendapatan layak kena cukai	206,025.00	
	=====	

Cukai yang dikenakan pada kadar 30% 61,807.50

Tolak: Rebat

Zakat	RM5,195.62	5,195.62

	Cukai yang kena bayar	RM56,611.88
		=====

Pengiraan Zākāt Penggajian 'A'

Jumlah Pendapatan	RM222,825.00
Tolak: keperluan asas	15,000.00

Pendapatan yang wajib zākāt	207,825.00
Kadar zākāt wang @ 2.5%	5,195.62

Beberapa perkara yang timbul berkaitan dengan zākāt pendapatan penggajian (upah) seperti pengiraan di atas ialah seperti berikut:

1. Kaedah pengiraan zākāt penggajian atau upah di atas atau disebut juga sebagai hasil kerja adalah berdasarkan pendapatan bersih selepas ditloak keperluan asas. Semua perbelanjaan yang berkaitan

dengan urusan kerja untuk menghasilkan pendapatan tersebut telah ditolak.

2. Pendapatan yang wajib zākāt (RM207,825) di atas adalah berdasarkan kiraan untuk tujuan kiraan cukai pendapatan individu tersebut 'A'. Ini dimasukkan pendapatan sewa, dividen dan faedah ke dalam kiraan jumlah pendapatan dengan tujuan untuk menerangkan dan menjelaskan isu utama kajian ini iaitu adakah cukai dan zākāt satu duplikasi kepada umat Islam.
3. Zākāt pendapatan penggajian (**al-Mal al-Mustafad**) tidak memerlukan genap *hāwl*. Ianya wajib sebaik sahaja diterima. Apabila gaji atau **al-Mal al-Mustafad** itu telah dikeluarkan zākāt pada hari penerimaannya maka ia tidak dikeluarkan sekali lagi ketika tamat *hāwl*.⁵²
4. **Nisāb** bagi zākāt pendapatan penggajian adalah mengikut **nisāb** emas iaitu 85 gram bersamaan dengan RM3,275.00 bagi tahun 1998.

NOTA HUJUNG

1. Veerinderjeet Singh, *Malaysian Taxation and Technical Aspects*, Longman (M) Sdn. Bhd, 1992, hal. 2.
2. Dato' Seri Anwar Ibrahim, *The 1998 Budget*, Jabatan Penerangan Malaysia, *op.cit*, hal. 5.
3. Lihat Seksyen 20 Akta Cukai Pendapatan 1967 (No. 47), Akta 53.
4. Dr. Arjunan Subramaniam, *op.cit*, hal. 49.
5. Menurut Seksyen 7, No. 47, (Akta 53).
6. Menurut Seksyen 7, No. 47, (Akta 53).
7. *Ibid*, Seksyen 66, 67, 71, 72, 73, 74 dan 75.
8. Menurut Seksyen 2, Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47 Akta 53, taksiran orang tak berdaya, ertiinya seseorang yang belum dewasa atau seseorang yang diputuskan di bawah mana-mana undang-undang sebagai berada dalam keadaan tidak kesempurnaan akal (walau bagaimana dinyatakan).
9. G.Findlay Shiras, *The Burden Of British Taxation*, Cambridge University Press, London, 1942., hlm 7.
10. Menurut Bab 4, Seksyen 33, Akta Cukai Pendapatan A67 No. 43, Akta 53, Pendapatan larasan secara am sebagaimana tertakluk kepadanya akta ini. Pendapatan larasan seseorang daripada satu sumber untuk tempoh asas bagi satu tahun taksiran hendaklah satu amaun yang boleh ditentukan dengan memotong daripada pendapatan kasar orang itu daripada sumber itu bagi tempoh itu, semua perbelanjaan pasti dan belanja yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan semasa tempoh itu oleh orang itu dalam penghasilan penapatan kasar dari sumber itu.
11. *Ibid*, Seksyen 33, ACP 1967, No. 47, Akta 53.
12. *Ibid*, Seksyen 33, ACP 1967 No. 47, Akta 53.
13. Menurut Seksyen 107B, bayaran melalui ansuran sebagaimana tertakluk kepadanya seksyen ini, tiap-tiap orang dikenakan cukai bagi suatu tahun taksiran selain daripada individu di mana seksyen 107 ini terpakai, hendaklah membuat bayaran melalui ansuran bagi cukai yang atau mungkin kena dibayar oleh orang itu bagi tahun taksiran itu pada masa-masa dan dalam amaun itu sebagaimana yang boleh diarahkan oleh

Ketua Pengarah sama ada cukai telah ditaksir atau tidak.

14. J.A.L Gunn and M. Maas, *Guide to Commonwealth Incomtax*, Butterworths, Sydneys, Mellorne, Brisbane, 1961, hal. 74.
15. Choong Kwai Fatt, Lrene Lee, *Advance Malaysian Taxation*, U-Text, Subang Jaya, 1994 hal. 131.
16. Dr. Yusuf al-Qaradhwai, *op.cit*, hal. 52.
17. P. Lawton and A Sumption, *Tax Planning*, Guildhall Chambers, Bustol 1975, hal. 8.
18. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 43.
19. Dr. Yusuf al-Qaradawi, *op.cit*, hal. 52.
20. Al-Quran surah al-Taubah 9: 34 (lihat m.s 61).
21. Abi Abdullah b. Muhammad Ibn al-Bukhari *Shahih al-Bukhari* al-Maktabah al-Islamiah Turkey (t.t), Jil. 11 hal. 111.
22. Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam*, Jilid II, terjemahan Md. Akhir Hj. Yaacob, DBP, KL. 1994, hal. 52.
23. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 46.
24. *Ibid*, hal. 46.
25. Al-Quran, surah al-An'am 6:141.
26. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 48.
27. Wahbah al-Zuhaili, *op.cit*, hal. 917.
28. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 49.
29. *Ibid*, hal. 50.

30. Al-Jayziyyah, Ibn Qayyim, *Aunāl al-Ma`bud*, Syariah Sunan Abi Daud, Beirut: Dar al-Fikr, Jild. 4, hal. 424.
31. Al-Quran, surah al-Baqarah 2: 267.
32. Wahbah al-Zuhaili, *op.cit*, hal. 877.
33. *Ibid*, hal. 875.
34. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 52.
35. Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, "Gaji dan Pendapatan Profesional" Jurnal Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Jilid 1, Bil. 1, Januari - Jun 1993, hal. 33.
36. Datuk Hj. Hassan Ibrahim, *op.cit*, hl. 7.
37. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 56.
38. *Ibid*, hal. 63.
39. *Ibid*, hal. 64.
40. Seksyen 33 (1), Akta Cukai Pendapatan, 1967 No. 47, (Akta 53).
41. *Ibid*, Seksyen 33 (1) (a).
42. *Ibid*, Seksyen 33 (1) (b).
43. *Ibid*, Seksyen 33 (1) (c).
44. *Ibid*, Seksyen 34 (2) (a). 
45. *Ibid*, Seksyen 34 (4).
46. *Ibid*, Jadual 3.
47. *Ibid*, Seksyen 43.
48. Lihat Lampiran II.
49. Lihat Lampiran II.
50. Dato' Hassan Ibrahim, *op.cit*, hal. 28.
51. Mohd Kamal Atiyah, *op.cit*, hal. 283.
52. Wahbah al-Zuhaili *op.cit*, hal. 949.